

Modal Insan

Daripada Abu Hurairah RA, Rasulullah SAW bersabda:

خَيْرُ الْكَسْبِ كَسْبُ يَدِ الْعَامِلِ إِذَا نَصَحَ

Maksudnya: "Sebaik-baik pekerjaan ialah pekerjaan tangan seseorang apabila ikhlas dalam amalannya dan menunaikannya dengan sebaik-baiknya."

Riwayat Ahmad (8207). Al-Iraqi berkata di dalam *Takhrij al-Ihya'* (2/62), sanadnya *hasan*

Pedoman dan Iktibar Hadis

Antaranya:

1. Untuk meneruskan kehidupan yang lebih sempurna dan dapat melaksanakan ibadat dengan sebaik mungkin sudah tentu rezeki dan harta menjadi penting sebagai alat sebagai wasilah dalam melaksanakan tanggungjawab sebagai khalifah Allah di bumi.
2. Berbekalkan akal dan ilmu serta dengan kepakaran modal insan sama ada secara fitrah yang Allah jadikan atau dengan usaha dan ikhtiar untuk mendapatkannya, manusia sebagai hamba Allah mampu melaksanakan pelbagai pekerjaan dengan lebih profesional dan cekap. Ini menghasilkan pendapatan yang baik.
3. Di dalam buku *Let's be Brave* karya Ahmad Safuan al-Karami menyebut: Perlaksanaan adalah keberanian untuk mengubah harapan indah di alam fikiran menjadi kenyataan. Proses inilah yang menjadikan nyata segala

niat, janji, harapan atau rencana. Pelaksanaan adalah mempercepat gerak sejarah di dunia yang nyata dan mendekati kecepatan loncatan fikiran di alam imajinasi.

4. Sebagai contoh, pembukaan Kota Konstantinopel dari genggaman Romawi Timur. Di mana pasukan al-Fateh iaitu Sultan Muhammad anak kepada Sultan Murad II telah berjaya walaupun penuh dengan kesukaran menerapkan strategi unik yang belum pernah dikenali dalam peperangan di lautan. Puluhan kapal armada Turki dilayarkan di darat dengan menempuh jarak sepuluh batu menggunakan kayu-kayu balak yang dilumuri dengan lemak dan ditarik oleh para tentera dengan bantuan kuda dan lembu.
5. Akhirnya, al-Fateh dengan semangat perlaksanaannya mendapat ilham yang penuh dengan kecerdasan, kekuatan, keberanian dan keajaiban untuk mewujudkan janji yang sekian lama tertangguh. Keinginannya itulah untuk mewujudkan janji telah melahirkan sejarah kepahlawanan yang mengkagumkan dan beliau sebenarnya telah memahat sejarah Islam yang unggul.

Mutiara Hikmah

- ❖ **Pujangga berkata:** Percayakan kepada diri sendiri dan jangan bergantung kepada orang lain. Anggaphlah bahawa mereka menjadi tanggungan anda dan bukan anda yang menjadi tanggungan mereka. Bahawa hanya Allah yang bersama diri anda. Jangan tertipu dengan orang-orang yang selalu berfoya-foya.
- ❖ **Pujangga berkata:** Pekerjaan yang serius akan membebaskan jiwa dari kecenderungan-kecenderungan yang buruk, khayalan-khayalan yang penuh dosa dan dari keinginan yang terlarang.

Kisah Teladan

Dalam satu sabdanya Rasulullah SAW pernah bercakap tentang takhta kerajaan Romawi Timur di Byzantium yang akan berada dalam genggaman Islam. Janji ini sudah tertangguh selama lebih lapan abad, sejak hal itu terucap dari mulut baginda. Berbagai kerajaan dinasti dan kerajaan Islam yang datang dan pergi selama tempoh itu belum mampu mewujudkannya. Hal ini berlangsung lama hingga seorang pahlawan, al-Fateh muncul pada abad ke-15 Masihi.

Sultan Muhammad al-Fatir nama lengkap pahlawan itu adalah putera Sultan Murad, penguasa dinasti Uthmani. Wilayah kekuasaannya adalah Turki sekarang dan beberapa negara Balkan.

Al-Fateh diangkat menjadi sultan ketika berusia sangat muda ketika ayahnya mengundur diri. Ketika serangan gencatan dilakukan terhadap dinasti ini, jawatan sultan dikembalikan semula kepada si ayah hingga mangkat.

Setelah jawatan sebagai sultan kedua inilah al-Fateh menyedari janji yang pernah diucapkan Rasulullah SAW dalam sabdanya itu disebutkan bahawa tentera yang terlibat dalam pembebasan itu adalah tentera terbaik dan panglima yang memimpin pasukan adalah panglima terbaik pula. Atas niat mewujudkan janji yang tertangguh begitu lama itulah al-Fateh memutuskan terjun langsung memimpin pembesar Konstantinopel yang dikuasai kerajaan Romawi Timur dan dilindungi oleh selat dan benteng yang tinggi. Halangan besar yang menghalang usaha itu tidak membataskan niatnya. Kekuatan laut mahupun darat Romawi Timur yang didukung bantuan armada dari Yenesia tidak membuatnya berhenti.

Ketika hendak bergerak, pasukan al-Fateh menerapkan strategi dan taktik unik yang belum pernah dikenali dalam perang di lautan. Puluhan kapal armada Turki dilayarkan di darat dengan menempuh jarak sepuluh batu. Di atas kayu-kayu balak yang dilumuri dengan lemak, armada kapal perang al-Fateh ditarik oleh para tentera dengan bantuan kuda dan lembu. Al-Fateh dengan semangat pelaksanaannya mendapat ilham yang penuh dengan kecerdasan, kekuatan, keberanian dan keajaiban untuk mewujudkan janji yang lama tertangguh. Keinginannya untuk mewujudkan janji itu melahirkan sejarah kepahlawanan yang mengagumkan.